

## Projek Kongsi Rezeki bantu mahasiswa menjelang musim peperiksaan



Pekan, 14 Disember- Jabatan Hal Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) meneruskan Projek Kongsi Rezeki yang masuk tahun keempat penganjuran sebagai suatu inisiatif dalam menyediakan juadah makan tengah hari kepada mahasiswa UMP dengan harga serendah RM1.00 sahaja bermula pada 12 hingga 14 Disember baru-baru ini.

Projek Kongsi Rezeki 4.0 ini hasil kerjasama Unit Kebajikan, Pembiayaan & Disiplin Pelajar dan MyGift UMP ini dijalankan bagi membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan dari segi kewangan. Projek ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan dijalankan serentak di kedua-dua kampus kampus Gambang dan Pekan.

Pengalaman membeli makanan dengan harga murah pastinya akan sentiasa diingati mahasiswa UMP terutamanya menjelang musim peperiksaan. Turut sama turun padang menyampaikan makanan kepada pelajar ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dato' Dr. Yusserie Zainuddin.

“Program ini dapat mengurangkan beban kewangan pelajar terutama di akhir semester. Selain itu membuka ruang kepada pihak yang ingin menyumbang melalui MyGift. Konsep yang digunakan masih sama seperti sebelum ini iaitu pelajar perlu membayar RM1 untuk mendapatkan set makanan tengahari yang disediakan,” katanya.

Pada kali ini ianya memfokuskan sasaran peserta kepada pelajar yang menerima Bantuan Zakat, Bantuan 1Malaysia, Bantuan MyGift UMP dan pelajar yang tinggal di luar kampus. Program selama tiga hari ini memberi manfaat kepada 2100 orang mahasiswa di kampus Gambang dan 1350 orang mahasiswa kampus Pekan.



Sementara itu, pihak JHEPA sentiasa mengambil berat berkaitan isu-isu yang berkaitan dengan mahasiswa agar mereka dapat memberi tumpuan terhadap peperiksaan dan tidak mengganggu pembelajaran mereka sepanjang pengajian.

Jelasnya, UMP serius menangani isu kebajikan pelajar dan sentiasa meningkatkan usaha dalam membantu golongan yang memerlukan termasuklah memperkenalkan program MyGift UMP yang mengalakkan seluruh warga dan orang ramai turut sama menyumbang bagi membantu insan lain.

Malahan program ini juga mensasarkan golongan yang berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan yang ditahan PTPTN hingga terpaksa mengikat perut untuk menikmati makanan kerana faktor kekurangan sumber kewangan terutama pada waktu peperiksaan.

Program MyGift ini diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabungan dan endowmen universiti.

Sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP melalui potongan gaji, derma pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat dalam menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan ini pastinya dapat melonjakkan kegemilangan universiti dalam merealisasikan Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertemakan Memasyarakatkan Teknologi.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 14-12-2017, 15:57:28